

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 14 Jun 2016 16:20
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: PERSATU MENERAJU KONVENSYEN AKADEMIK UNIVERSITI AWAM MALAYSIA



14 JUN 2016 / 09 RAMADAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

**PERSATU MENERAJU KONVENSYEN AKADEMIK UNIVERSITI AWAM
MALAYSIA**



ANJUNG TAMU ONLINE: Mewujudkan rasa kebersamaan dan memperjuangkan martabat ahli akademik antara agenda penting dalam semua persatuan akademik Universiti Awam Malaysia.

Dengan kata lain, bagi menyusun strategi dan agenda persatuan supaya lebih mantap, mengangkat martabat ahli akademik Malaysia ke peringkat antarabangsa di samping mewujudkan prospek serta potensi yang mendatangkan manfaat kepada ahli-ahlinya, Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) bergerak seiring dengan Persatuan Staf Akademik (PERSATU) UUM untuk bersama menjayakan Konvensyen Akademik Universiti Awam Malaysia 2016 (KAKUAM 2016).

Antara delegasi yang turut hadir mesyuarat KAKUAM di Bilik Mesyuarat Eksekutif Welcome Centre terdiri daripada wakil-wakil dari EXCO MAAC , Datin Dr. Sarimah Ismail, Prof. Madya Mat@Muhammad Yusoff dan Dr. Mohammad Sukri Mustapa. Turut hadir, Dr. Normaly Kamal Ismail merangkap Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA), Norashikin Abd Hamid merangkap Setiausaha, Persatuan Pensyarah & Pengajar UTHM (PERKASA). Selain itu, hadir sama Presiden PERSATU, Prof. Madya Dr. Nuarrual Hilal Md. Dahlan bersama Exco PERSATU, Al-Hanisham Mohd Khalid, Dr. Hasliza Abdul Halim serta Dr. Mohamad Ghozali Hassan.

Menariknya, Welcome Centre dilihat sebagai sebuah lokasi yang mampu menjana idea yang lebih segar dengan dibaluti pemandangan alam semula jadi yang mengelilingi bilik mesyuarat tersebut.

Sementara itu, sebagai persatuan yang bergerak di atas landasan potensi, kualiti, kreativiti serta inovasi akademik, usaha-usaha dalam membentuk halatuju yang

mampan sejajar dengan agenda negara bagi melahirkan para intelektual yang berdaya saing, PERSATU telah diberi mandat bagi menyusun perancangan KAKUAM 2016.

Menurut Presiden PERSATU selaku Pengerusi mesyuarat, “penganjuran KAKUAM 2016 ini merupakan satu program nasional yang julung-julung kalinya diadakan melibatkan seluruh pensyarah Universiti Awam di Malaysia dengan tujuan untuk memperkasakan perkhidmatan pensyarah UA dan menyungkil serta mengupas isu-isu besar melibatkan pendidikan tinggi nasional”.

Delegasi yakin persatuan yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang dalam bidang dan pengalaman ternyata bukan sekadar memenuhi keperluan persatuan tetapi lebih daripada itu.

Malahan kata Dato’ Prof. Dr. Mohd Idrus Hj Mohd Masirin merangkap Presiden MAAC,

“Rona hijau kampus di rimba hijau menenangkan hati”

“Syabas! di atas kejayaan UUM menubuhkan Welcome Centre yang indah dan efektif”.

Menghampiri loteng dan ruang bacaan yang santai, beliau tidak melepaskan peluang untuk rehat sejenak mengupas idea sebelum mesyuarat dimulakan. Terdahulu delegasi turut dibekalkan dengan informasi untuk Discover UUM secara umum di Welcome Centre.

Dalam pada itu, adalah menjadi fokus utama Jawatankuasa-jawatankuasa tertinggi persatuan akademik Universiti Awam yang hadir untuk merapatkan lagi hubungan baik sesama persatuan universiti di samping jaringan kerjasama yang kukuh.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

